

Malaysia tidak jadi negara Islam ekstrem

PUTRAJAYA 27 April — Malaysia tidak akan menjadi sebuah negara Islam yang ekstrem seperti yang dianggap oleh kebanyakan negara asing kerana umat Islam di negara ini berfikir lebih rasional, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu menegaskan beliau tidak berseutu dengan pandangan yang sering dilemparkan oleh negara asing terutamanya di kebanyakan negara Eropah bahawa kumpulan pelampau Islam di sini akan menguasai semua.

“Memang terdapat segelintir

umat Islam di negara ini yang kurang arif mengenai Islam dan boleh dikuasai oleh pihak yang berpura-pura berpegang kepada Islam.

“Bagaimanapun, majoriti umat Islam di sini mengetahui dengan jelas apa itu Islam dan tidak mudah untuk dipesong atau dipengaruhi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hampir sejam bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew di pejabatnya, di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini hari ini.

um- 28/4/2015: 2
Kuan Yew yang merupakan Menteri Mentor Singapura itu tiba kira-kira pukul 2.40 petang.

Dalam pertemuan tersebut, Kuan Yew menanyakan sama ada Malaysia akan dikuasai oleh kumpulan pelampau Islam dan kemungkinan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kembali dalam kerajaan.

“Memang banyak negara luar yang ingin mengetahui mengenai kedudukan Malaysia dalam perkara ini tetapi saya berpendapat kita tidak akan menjadi

negara Islam yang ekstrem katanya.

Mengenai kemungkinan Anwar kembali, Dr. Mahathir berkata: “Saya fikir dia masih ada kapasiti untuk menimbulkan masalah jika dia kembali tetapi saya ragu-ragu sama ada Anwar dapat mencari laluan-nya.”

Kuan Yew turut menanyakan penilaian Dr. Mahathir mengenai pencapaian Malaysia dan kepimpinan baru selepas 18 bulan beliau mengundur diri sebagai pemimpin negara.


Dr. Mahathir berkata: “Saya telah meminta maaf kepada beliau bahawa saya tidak boleh memberikan sebarang komen mengenai perkara itu.

“Saya menjelaskan kepadanya bahawa saya telah berjanji pada diri sendiri iaitu selepas mengundurkan diri saya tidak menghalang atau mengganggu apa sahaja yang dilakukan oleh kerajaan sekarang.”

Ditanya mengenai perasaan beliau dikunjungi oleh rakan sejawatnya itu dulu, Dr. Mahathir berkata, beliau sangat gembira melihat Kuan Yew sihat dan berminat untuk mengetahui mengenai banyak perkara.

Menyentuh mengenai hubungan dua hala Malaysia-Singapura sekarang, Dr. Mahathir cuma memberikan komen ringkas iaitu ia nampak sangat baik.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, beliau dan Kuan Yew tidak berbingang mengenai hubungan dua hala antara kerajaan sekarang atau sebarang isu berbangkit.



DR. MAHATHIR Mohamad bersalam dengan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew di pejabat Dr. Mahathir di Putrajaya, semalam.